

17/02/2003

Jambatan baru jana ekonomi negara

Jami'ah Shukri

PETALING JAYA: Pembinaan jambatan boleh gerak yang dimajukan Gerbang Perdana Sdn Bhd (GPSB) bagi menggantikan Tambak Johor di perairan Malaysia, dijangka memberi banyak manfaat, termasuk mampu mengatasi masalah pencemaran alam sekitar yang teruk di Selat Johor, mengurangkan kesesakan lalu lintas, meningkatkan kemasukan pelancong dan menjana pertumbuhan ekonomi negara ini.

Pengarah Urusan GPSB, Datuk Yahya Jalil, berkata projek itu yang dibahagikan kepada tiga seksyen dijangka siap akhir 2005 dan beroperasi sepenuhnya menjelang 2006.

Katanya, pembinaan seksyen pertama di sebelah Malaysia sudah dimulakan 26 Januari lalu, membabitkan pembinaan dari Tambak Johor sehingga ke hujung Selat Johor (perairan Malaysia), iaitu sepanjang 500 meter dengan kelebaran 33.8 meter.

"Bagaimanapun, dua lagi seksyen membabitkan pembinaan jambatan berkabel

(cable stayed bridge) sepanjang 428 meter dan dari jambatan itu ke Kompleks Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Malaysia akan dimulakan dalam tempoh terdekat ini. Tambak Johor di bahagian Malaysia yang sedia ada akan

dirobuhkan selepas jambatan baru itu siap sepenuhnya.

"Projek sepanjang 1.4 kilometer itu merangkumi pembinaan jambatan, kompleks CIQ dan rangkaian jalan dihubungkan terus dengan Lebuhraya Utara-Selatan. Ia dijangka banyak memberi manfaat kepada negara ini dari aspek ekonomi, pelancongan, alam sekitar, keselamatan dan mengatasi masalah kesesakan laluan di Tambak Johor.

"Jambatan itu dibina menggunakan reka bentuk baru selepas reka bentuk lama yang dicadangkan kepada Singapura ditolak Perdana Menteri, Goh Chok Tong dengan alasan mempunyai nostalgia terhadap Tambak Johor," katanya pada sidang akhbar di sini, semalam.

Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia akan meneruskan pembinaan jambatan boleh gerak setinggi kira-kira

25 meter itu bagi menggantikan Tambak Johor di sebelah negara ini walaupun

tanpa kerjasama Singapura.

Pembinaan jambatan itu terpaksa membentuk melengkung di bahagian Malaysia untuk mengelakkan kecerunan jambatan yang tinggi selepas Singapura tidak mahu membina jambatan di bahagiannya sebelum 2007.

Cadangan asal jambatan itu dimaklumkan kepada Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew pada satu perbincangan empat mata antara beliau dengan Dr Mahathir tidak lama dulu. Ketika itu, Lee kagum dengan lukisan cadangan asal (jambatan lurus) yang mana Singapura turut akan membina bahagian jambatan di perairannya.

Pada pertemuan berikutnya, Lee memaklumkan kepada Dr Mahathir, Goh tidak

bersetuju Tambak Johor dirobuhkan kerana mempunyai nostalgia. Namun semalam Goh menjelaskan bersetuju dengan hasrat itu tetapi perlu dibina pada 2007.

Yahya berkata projek itu akan menyumbang kepada peningkatan keseluruhan rangkaian lalu lintas yang menghubungkan Kompleks Kastam dan CIQ ke Lebuhraya Utara-Selatan, seterusnya ke Johor Bahru, Senai, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pasir Gudang.

Selain itu, kemudahan Kompleks CIQ yang moden dan terkini mampu menyelesaikan pengurusan trafik yang lebih cekap dan efektif.

"Kita menjangkakan jambatan itu mampu menampung 10 peratus peningkatan jumlah kenderaan setahun untuk tempoh 17 tahun akan datang" katanya.

Yahya berkata, pembinaan itu mampu mengatasi pencemaran alam sekitar, terutama di kawasan Pantai Lido yang terjejas teruk sebelum ini, selain memberi kesempurnaan kepada aliran air di Selat Johor, sekali gus meningkatkan kualiti air serta mengekalkan kehidupan laut di situ.

Dengan terbinanya jambatan baru itu, air di Selat Tebrau yang tersekat sejak wujudnya Tambak Johor hampir 80 tahun lalu, dapat dialirkan ke sebelah timur dan barat, selain membenarkan air dari Selat Melaka mengalir dengan bebas secara semula jadi.

Beliau berkata, pembinaan jambatan itu menggunakan teknologi dan kepakaran tempatan termasuk membabitkan 16 juruperunding dalam pelbagai bidang.

Yahya berkata, pihaknya mereka bentuk jambatan baru, lewat 2001, selepas Singapura enggan bekerjasama membina jambatan itu dengan menggunakan reka bentuk lama yang dicadangkan pada 1998.